

# 13 pasukan rebut gelaran juara hoki

**KUANTAN** - Sebanyak 13 pasukan bersaing merebut gelaran juara dalam Kejohanan Hoki Tenaga Nasional Berhad (TNB)/Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) Liga Hoki Pahang 2016 yang bermula sejak awal bulan ini.

Liga anjuran MPK bersama Persatuan Hoki Pahang itu berlangsung di tiga venue membabitkan Stadium Hoki

Wisma Belia Indera Mahkota A dan B serta padang hoki Sekolah Menengah Seberang Temerloh.

Enam pasukan bersaing dalam Kumpulan A membabitkan Persatuan Hoki Daerah (PHD) Bera, Lepar Hilir Hockey Club, Akademi Hoki Pahang, Kolej Yayasan Pahang, EDU Lipis dan Veteran Kuantan manakala Kumpulan B terdiri daripada

da Kilat/Skybo, Pekan SAFF Fc, Ex-SAS, GOHC, KA Hockey Tea, Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan MPK sendiri.

Pertembungan Kumpulan B membabitkan pasukan PHD Bera bertemu EDU Lipis di Padang Temerloh dan GOHC menentang MPK di padang Wisma Belia akan berlangsung, bermula jam 5 petang, Jumaat ini.